

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1990/91

Oktober/November, 1990

AOP 403 - Pembangunan Usahawan

Masa : [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TUJUH soalan. Semua soalan di Bahagian A adalah WAJIB dan EMPAT soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Jawab SEMUA soalan.

1. Syarikat Percetakan Hanafi bercadang untuk menerbitkan sebuah buku teks Pembangunan Usahawan. Kos tetap adalah \$25,000 setiap tahun, kos berubah adalah \$10.00 seunit, dan harga jualan adalah \$12.00 pada setiap unit.
  - (a) Berapa unitkah mesti dijual untuk mencapai tahap titik pulangan modal?
  - (b) Berapakah jumlah jualan yang perlu dihasilkan untuk mencapai titik pulangan modal?
  - (c) Jika jualan adalah ditahap 20,000 unit, berapakah keuntungannya?
  - (d) Berapakah kos berubah seunit bagi mencapai keuntungan di tahap \$25,000 dengan kadar jualan sebanyak 20,000 unit.

[4 markah]

...2/-

2. (a) Encik Saari Siron, Penyelia Kilang, Syarikat Perusahaan Makanan Sedap Yusaida (Sdn.) Bhd. sedang memikirkan pendekatan baru untuk memproses mi sanggul. Cik Hasimah operator mesin telah melaporkan pemerhatian struktur kos berikut bagi tiga proses yang dicuba:

Proses	Kos tetap/tahun	Kos berubah
A	\$100,000	\$2,50
B	\$ 80,000	\$4.00
C	\$ 75,000	\$5.00

- (i) Kenalpastikan proses yang paling ekonomik untuk menghasilkan mi sanggul di tahap 10,000 unit setahun.
- (ii) Berapa unitkah yang harus dijual pada setiap tahun dengan menggunakan setiap proses pengeluaran bagi menghasilkan keuntungan di tahap \$40,000 jika mi sanggul dijual dengan harga \$6.00 pada setiap unit?

[2 markah]

- (b) Syarikat C.T. Lim Elektroniks, adalah sebuah kilang pemasangan mesin kira. Sebuah modal baru telah dibentuk yang memerlukan rekabentuk baru "display units". Firma ini sedang membuat pertimbangan sama ada ianya mesti membuat sendiri ataupun membeli unit-unit tersebut daripada pembekal luar. Anggaran maklumat kos adalah seperti berikut:

Kos Aktiviti	Beli diluar	Buat (proses x)	Beli (proses y)
Volum tahunan	100,000	100,000	100,000
Kos tetap/tahunan	-	\$300,000	\$500,000
Kos berubah/unit	\$10.00	\$ 8.00	\$ 7.00

...3/-

- (i) Apakah tindakan yang harus diambil oleh Syarikat C.T. Lim - beli di luar, buat sendiri melalui proses x, dan buat sendiri melalui proses y?
- (ii) Di tahap volum berapa unitkah sepatutnya Syarikat ini beralih daripada pembelian di luar kepada pembuatan melalui proses x?
- (iii) Di tahap berapa unitkah ia harus bertukar daripada proses x kepada proses y?

[4 markah]

3. (a) Bezakan kunci kira-kira dan penyata pendapatan. Bagaimanakah kedua-dua penting bagi seseorang usahawan?

[4 markah]

- (b) Sebutkan tiga kategori utama penyata pendapatan.

[2 markah]

- (c) Kenalpastikan nisbah bagi mengukur kedudukan semasa firma dan juga nisbah untuk kedudukan jangka panjang.

[4 markah]

...4/-

BAHAGIAN B

Jawab EMPAT soalan sahaja

4. Perniagaan tidak wujud di dalam keadaan yang statik ataupun vakum. Bagi tujuan survival ia perlu mengujud daya saing (Competitive edge) dan perbezaan barangan (Product differentiation). Bincangkan bagaimanakah ini dapat dilakukan?

[20 markah]

5. Analisis pra-permulaan (pre-start analysis) adalah disasarkan ke arah mencapai gol seperti berikut:

- (a) Bagi mengenalpastikan tuju arah yang sesuai.
- (b) Bagi memahami "Magnitude" tugas yang akan dilaksanakan.
- (c) Bagi mengenalpastikan risiko yang berkaitan dan menentukan cara yang terbaik untuk menguruskannya.

Sebagai seorang usahawan apakah yang anda faham tentang analisis pra-permulaan? Bagaimanakah ia dilaksanakan?

[20 markah]

6. Proses keusahawanan melibatkan beberapa dimensi utama perniagaan. Bincangkan dimensi-dimensi ini dan kaitkannya dengan faktor peluang?

[20 markah]

7. Bidang keusahawanan terdedah kepada kadar risiko yang tinggi. Dengan menggunakan pengetahuan anda tentang perancangan pemasaran (marketing plan), bagaimana kadar risiko ini dapat dikurangkan?

[20 markah]

...5/-

8. "Kegagalan usahawan Malaysia kerap kali dikaitkan dengan ketidakupayaan mereka mengenalpasti perangkap pengurusan (management trap) yang wujud dalam persekitaran perniagaan". Bincangkan?

[20 markah]

9. Tulis nota ringkas berhubung dengan perkara yang berikut yang menyumbangkan terhadap kejayaan atau kegagalan usahawan.

- (a) Faktor-faktor luaran
- (b) Faktor peribadi
- (c) Pemilihan lokasi.
- (d) Keupayaan inter-personal.

[20 markah]

---ooo0000ooo---